جابتن كحاكيمن شرعية مليسيا
**KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE**
**Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia**
***Department of Syariah Judiciary Malaysia***
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : mukhyuddin@esyariah.gov.my

**PRA PERBICARAAN**

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD 4 ( 25 )
Takwim : 23 Rabi'ul Akhir 1440H
Tarikh : 31 Disember 2018

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah Negeri-negeri.

## ARAHAN AMALAN NO. 3 TAHUN 2018

### Prosiding Kebenaran Merayu: Tanggungjawab Pemohon Mengemukakan Persoalan Undang-Undang Berkepentingan Awam Yang Telah Timbul Di Mahkamah Tinggi Syariah Dan Mengemukakan Pelbagai Dokumen Mahkamah

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2018 pada 13 Rabi'ul Awal hingga 15 Rabi'ul Awal 1440H bersamaan 21 November hingga 23 November 2018 di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) Wilayah Persekutuan Putrajaya telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung tanggungjawab pemohon untuk mengemukakan persoalan undang-undang berkepentingan awam yang telah timbul di Mahkamah Tinggi Syariah sepertimana kehendak peruntukan undang-undang pentadbiran/mahkamah negeri-negeri dan undang-undang tatacara jenayah syariah negeri-negeri.

2. Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen–dokumen Mahkamah Tinggi Syariah semasa prosiding kebenaran merayu di Mahkamah Rayuan Syariah. Dokumen-dokumen tersebut ialah –

i. Alasan Rayuan/Petisyen Rayuan;

ii. Penghujahan pihak-pihak;

iii. Nota Keterangan; dan

iv. Alasan Penghakiman.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa serta merta.

**(DATO' HAJI MUKHYUDDIN BIN HAJI IBRAHIM)**
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA